

11/01/1997

Sekolah satu sesi perlu diperjelas

KENYATAAN tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai persekolahan satu sesi membuktikan kerajaan serius menjayakan sistem baru itu. Pengumuman beliau turut membayangkan kerajaan tidak akan tunduk kepada sebarang desakan atau ugutan menggagalkan usaha kerajaan membawa perubahan positif dalam apa juga bidang termasuk pendidikan.

Cadangan persekolahan satu sesi ini dikemukakan sejak 1994 lagi ketika Datuk Amar Dr Sulaiman Daud menjadi Menteri Pendidikan berikutan wujud beberapa masalah dari segi kesuntukan waktu pembelajaran di sekolah. Ia dikatakan menjadi punca kepada pencapaian kurang memberangsangkan bagi beberapa mata pelajaran terutama Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Melalui pelaksanaan sekolah satu sesi, pelajar akan berada di sekolah lebih lama dan mempunyai masa lebih panjang iaitu dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang untuk membolehkan mata pelajaran berkenaan diajar dengan lebih berkesan.

Kita yakin, jika semua pihak memberi sokongan dan komitmen jitu, sistem persekolahan satu sesi ini mampu menjadi satu reformasi pendidikan penting dan mempunyai peranan signifikan serta lebih cemerlang sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020. Sistem ini lebih bersepadu dan mantap berbanding sistem sedia ada kerana ia dapat menjamin semua pelajar mendapat pendidikan seimbang dan sama rata tanpa pengecualian terutama pendidikan agama dan moral.

Pelajar juga tidak boleh terkecuali daripada kegiatan kokurikulum kerana ia menjadi sebahagian daripada penjadualan sepanjang berada di sekolah. Ini berbeza dengan sistem persekolahan sekarang kerana tidak semua pelajar yang dihantar oleh ibu bapa mengikuti kelas agama mahupun mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum.

Sebenarnya isu persekolahan satu sesi bukanlah perkara baru sebaliknya pernah dibincangkan secara terperinci oleh tokoh akademik, pendidik dan mereka yang terbabit secara langsung dalam pendidikan di beberapa bengkel dan seminar sejak 1994 lagi. Namun tidak keterlaluan jika dikatakan sehingga kini masih ramai, baik di kalangan ibu bapa malah sebahagian besar warga pendidik sendiri kurang jelas mengenai konsep sekolah satu sesi ini terutama dari segi pengisian di sebelah petang. Ibu bapa tertanya-tanya apakah yang akan dilakukan oleh anak mereka dalam waktu lanjutan hingga 4.30 petang itu dan mereka khuatir persekolahan satu sesi akan mengabaikan terus pendidikan agama yang diperolehi selama ini.

Inilah antara faktor yang menjadi penyebab kepada bantahan sesetengah pihak, kerana umum masih samar mengenai persekolahan satu sesi dan belum memperoleh maklumat tepat mengenainya. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila dua badan induk yang mewakili golongan guru iaitu Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) dan Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Kongres) dengan lantang mempertikai dan membantah pelaksanaan sekolah satu sesi dan lanjutan waktu ini. Malah alasan yang diberikan juga boleh menimbulkan kekeliruan dan pelbagai tanda tanya di kalangan masyarakat terutama ibu bapa. Alasan negatif seperti membebankan pelajar, masalah cuaca, pengangkutan dan meningkatkan perbelanjaan ibu bapa, seolah-olah memberi gambaran kerajaan tidak peka terhadap masalah yang bakal dihadapi pelajar.

Kita percaya Kementerian Pendidikan akan membuat persediaan rapi termasuk dari segi kurikulum bagi memenuhi waktu lanjutan itu serta prasarana dan guru yang mencukupi sebelum melaksanakan sepenuhnya persekolahan satu sesi

ini. Sebab itu projek perintis diperkenalkan di 28 sekolah menengah mulai Jun depan. Ia membolehkan kita memperbaiki sekiranya wujud sebarang kelemahan supaya pelaksanaan sepenuhnya akan lancar dan tidak timbul sebarang masalah. Kita tidak mahu kepincangan sedia ada yang sering dihadapi ibu bapa dan pelajar setiap kali sesi persekolahan baru bermula seperti kekurangan buku teks, bilik darjah, kerusi meja dan tenaga pengajar turut berlaku dalam pelaksanaan sekolah satu sesi ini. Kita perlu menerima hakikat bahawa kemampuan mengendali dan menyelesaikan segala masalah yang timbul, sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam melaksanakan sebarang perubahan besar dalam sistem pendidikan negara.

(END)